



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pengurus syarikat rugi RM100,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 25 July 2019

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 2

## Pengurus syarikat rugi RM100,000 ditipu Macau Scam

**KLANG** - Akibat takut ditangkap, seorang pengurus sebuah syarikat logistik kerugian RM100,000 apabila diperdaya sindiket Macau Scam Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner

Shamsul Amar Ramli berkata, siasatan awal mendapati mangsa berusia 45 tahun itu menerima panggilan daripada anggota sindiket mendakwa mangsa memiliki kes mahkamah kerana mempunyai tunggakan cukai.

Katanya, mangsa bagaimanapun menafikan dakwaan itu namun menjadi risau kerana telah diugut untuk ditangkap.

“Mangsa kemudian telah menghantar kesemua gambar kad pengeluaran wang automa-

tik menerusi aplikasi WhatsApp kepada sindiket sebelum menyedari wang RM100,000 di dalam akaun bank miliknya lesap,” katanya yang menyiasat kes itu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.